

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada setiap petang selepas balik dari sekolah, Nabila, Irene dan Mageswary sering meluangkan masa bersama dengan beriadah di taman rekreasi. Pada kebiasaannya, mereka akan bermain badminton, berjoging, berbasikal atau bersiar-siar di sekitar taman rekreasi.

Hubungan mereka bagai isi dengan kuku. Persahabatan mereka sangat erat sejak kecil lagi, seperti adik-beradik. Mereka sering berkongsi masalah dan belajar bersama-sama. Mereka juga sering dijadikan contoh di sekolah. Mereka berharap hubungan persahabatan ini kekal selamanya.

4. Bilakah Nabila, Irene dan Mageswary akan beriadah bersama-sama?
 - A Setiap petang
 - B Semasa hari cuti
 - C Setiap hari Rabu
 - D Setiap hujung minggu
5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
 - A Mereka selalu belajar bersama-sama.
 - B Rumah mereka jauh antara satu sama lain.
 - C Sekolah mereka berhampiran dengan rumah.
 - D Mereka bersahabat sejak berpindah ke sekolah baharu.
6. Berikut merupakan aktiviti yang sering dilakukan oleh Nabila, Irene dan Mageswary ketika beriadah bersama-sama, *kecuali*
 - A bermain badminton.
 - B berbasikal.
 - C berenang.
 - D berjoging.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PROGRAM KOTAK KASIH

Anda datang, kami hulur!

Sumbangan untuk golongan yang memerlukan seperti golongan miskin, warga emas, ibu tunggal, orang kelainan upaya, anak yatim dan individu yang hilang punca pendapatan.

Tempat : Dewan Seri Siantan

Tarikh : 14 Januari 202_ (Sabtu)

Anjuran : Pertubuhan Badan Kebajikan Insan Prihatin

Kami juga mengalu-alukan orang ramai yang ingin memberikan *bantuan* barangan keperluan harian, makanan dan wang tunai supaya program ini dapat terus berjalan.

Segala pertanyaan dan maklumat lanjut:

Sila hubungi atau hantar WhatsApp kepada Encik Faizal Omar di talian 012-3456xxxx.



BAHAN 2

Amirul memaklumkan kepada Siu Peng mengenai Program Kotak Kasih yang menyediakan *bantuan* barangan keperluan harian kepada penduduk Taman Seri Siantan. Program ini akan diadakan pada minggu hadapan dan Amirul berjanji untuk menghantar mesej bergambar tentang hebahan program tersebut kepada Siu Peng.

Siu Peng berterima kasih atas maklumat program yang bakal diadakan. Mereka juga sepakat untuk memberitahu penduduk lain agar mereka yang memerlukan dapat menerima bantuan. Siu Peng kagum dengan sikap penganjur program yang prihatin terhadap kebajikan penduduk setempat.

7. Tujuan utama program bantuan diadakan adalah untuk
- A memberikan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.
 - B mengeratkan silaturahim.
 - C mengumpulkan penduduk setempat.
 - D membuat hebahan kepada para penduduk.
8. Kami juga mengalu-alukan orang ramai yang ingin memberikan bantuan barangan keperluan harian, makanan dan wang tunai supaya program ini dapat terus berjalan.
- Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A kerat.
 - B kuntum.
 - C keping.
 - D kelompok.
9. Perkataan *bantuan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A derma.
 - B perkhidmatan.
 - C sokongan.
 - D sumbangan.
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Penyerahan sumbangan diadakan di Dewan Seri Kenanga.
 - B Pihak penganjur sangat prihatin terhadap kebajikan penduduk setempat.
 - C Bantuan diberikan kepada semua penduduk.
 - D Pertubuhan Badan Kebajikan Insan Prihatin merupakan penerima sumbangan.

Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan Malaysia pada 1963 yang melibatkan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura. Tunku Abdul Rahman memainkan peranan penting untuk membebaskan wilayah-wilayah ini bagi membentuk negara baharu yang merdeka dan bersatu.

Hari Malaysia juga dijadikan sebagai cuti umum di seluruh negara mulai tahun 2010. Sambutan Hari Malaysia mencerminkan semangat patriotisme dan perpaduan yang erat dalam kalangan rakyat.

1. (a) Hari Malaysia disambut setiap tahun pada _____.

(b) Penubuhan Malaysia merupakan hasil gabungan empat buah wilayah. Nyatakan empat buah wilayah tersebut.

- (c) *Bulatkan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Tunku Abdul Rahman memainkan peranan penting untuk membebaskan wilayah-wilayah ini bagi membentuk negara baharu yang merdeka dan bersatu.

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Hari Malaysia juga dijadikan sebagai cuti umum di seluruh negara mulai tahun 2010.

Di Malaysia Hari Malaysia menjadi hari cuti umum pada tahun 2010.	
Hari Malaysia menjadi hari cuti umum di Malaysia bermula pada tahun 2010.	

Bahagian B: Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu tinggal bersendirian di rumah kerana ibu dan bapa kamu pulang ke kampung. Ketika kamu membuka tingkap, tiba-tiba kamu ternampak seorang lelaki yang mencurigakan berada di rumah jiran kamu.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang dapat dilakukan?

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang hidup berjiran.

Tuliskan pendapat kamu tentang amalan hidup berjiran.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.


